

25/11/1997

Tarik balik beku ambil pekerja asing

KERAJAAN memutuskan untuk menarik balik pembekuan pengambilan pekerja asing untuk sektor berasaskan eksport bagi meningkatkan keupayaan bidang berkenaan menjana hasil eksport negara.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata langkah menarik balik pembekuan itu tidak dapat dielakkan bagi mengelakkan sektor berkenaan terus menanggung kerugian kerana tidak dapat mengutip hasil berikutan kekurangan tenaga buruh.

Lim berkata, pengumuman berhubung penarikan balik pembekuan pengambilan pekerja asing untuk sektor berasaskan eksport dan mempunyai import sangat kecil itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat Barisan Nasional baru-baru ini.

Katanya, peladangan kelapa sawit adalah sektor paling teruk terjejas kerana kekurangan tenaga kerja menyebabkan buah kelapa sawit di ladang tidak dapat dipetik dan seterusnya dihantar untuk diproses.

"Masalah kekurangan tenaga kerja menyebabkan pendapatan yang dijana daripada eksport minyak sawit sehingga kini berkurangan sebanyak RM1.08 bilion.

"Sektor ini dijangka memerlukan kira-kira 50,000 buruh asing untuk mengatasi kekurangan ketara terutama yang bekerja di ladang untuk memetik buah sawit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Tahunan Prospek Usaha Sama dan Peluang Dalam Industri Minyak Sawit anjuran Majlis Galakan Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir dalam majlis itu Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Datuk Haron Siraj, Pengerusi MPOPC, Datuk Lee Oi Hian dan Ketua Eksekutif MPOPC, Tan Sri Dr Mohd Yusof Hashim.

Lim berkata, kekurangan tenaga kerja begitu menjejaskan pengeluaran minyak sawit berikutan buah sawit tidak dapat dipetik untuk diproses.

"Meskipun sektor itu mempunyai ramai buruh asing sebelum ini tetapi keadaannya berubah sekarang kerana ramai buruh asing terbabit melarikan diri dan ada yang sudah pulang ke negara asal mereka," katanya.

Bagaimanapun, Lim tidak dapat menjelaskan bila penarikan balik pembekuan pengambilan pekerja asing itu akan berkuatkuasa dan sektor yang terbabit dengan langkah itu.

Sementara itu, Lim berkata, kerajaan sudah memperuntukkan jutaan ringgit sejak lapan tahun lalu mempromosikan minyak sawit melalui MPOPC.

(END)